

Kerajaan tubuh MTPIN tangani isu mendesak

BH-11/10/2019 m/d: 4

Kuala Lumpur: Selari dengan janji digariskan dalam manifesto Pakatan Harapan (PH), kerajaan akan menubuhkan Majlis Tindakan Perubahan Iklim Nasional (MTPIN) bagi menangani perkara berhubung isu yang mendesak.

Mengumumkan demikian, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata majlis itu akan dibentuk menerusi Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia yang dijenamakan semula sebagai Pusat Perubahan Iklim dan Teknologi Hijau Malaysia (MGTCCC) mulai semalam.

“Langkah ini akan memenuhi janji kerajaan untuk mengekalkan saiz penjawat awam dan mengurangkan kos perbelanjaan dengan mengoptimalkan aspek perkhidmatan.

“Usaha merintis corak pembangunan lestari di negara ini juga harus bersandarkan tiga asas utama supaya tidak mencetuskan impak negatif terhadap perubahan iklim dan alam sekitar.

“Tiga asas atau tiang seri ini adalah untuk memacu pertumbuhan ekonomi, mengekalkan aspek alam sekitar yang utuh dan pada masa sama memelihara kebajikan masyarakat,” katanya pada ucapan pertama Persidangan dan Pameran Teknologi Hijau serta Produk Eko Antarabangsa (IGEM) 2019 Ke-10, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof dan Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir menekankan pentingnya agar ne-



Dr Mahathir melakukan gimik pelancaran ketika melancarkan panel solar berbumbung M+ sambil diperhatikan Bee Yin dan Mohd Redzuan pada Persidangan dan Pameran Teknologi Hijau serta Produk Eko Antarabangsa (IGEM) 2019 Ke-10, di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aizuddin Saad /BH)

gara berdaya tahan terhadap perubahan iklim dan bersedia menghadapi kesan perubahan seperti kenaikan paras laut, gangguan perubahan makanan dan penjagaan kesihatan.

“Sebuah Pusat Perubahan Iklim Kebangsaan diperlukan untuk melakukan kutipan data yang berhubung dengan perubahan iklim, analisis risiko, penyelarasan dasar dalam kalangan pelbagai pe-

ringkat dan aspek kerajaan bagi memastikan Malaysia bukan sahaja bertahan tetapi berkembang maju apabila dunia tidak dapat tidak menjadi panas pada masa akan datang,” katanya.

Mengulas proses penubuhan MTPIN, Bee Yin berkata, badan penyelaras bagi menerajui pembentukan majlis itu akan diwujudkan sebelum penghujung tahun ini dan disusuli penjenamaan

semula MGTCCC.

“Tahun depan, kita akan melaksanakan pelbagai usaha yang lebih bersepadu dan tersusun dalam merangka pelan tindakan perubahan iklim sedunia.

“Tahun ini, banyak usaha lebih terarah kepada aspek tenaga boleh diperbaharui menerusi kerjasama di pentas antarabangsa, mencakupi isu pengiraan karbon dan pelbagai usaha lain,” katanya.

Sementara itu mengulas kriteria mengenai menganugerahkan projek berkaitan tenaga diperbaharui, Dr Mahathir menegaskan, projek berkaitan tenaga akan diserahkan kepada syarikat berkelayakan.

“Jika kertas cadangan yang dikemukakan bagus, kerajaan akan sokong. Tidak semestinya mereka adalah menantu saya atau kaum kerabat saya. Saya hanya pilih yang berkelayakan,” katanya.